

# **ASAS PENGETAHUAN BAHASA**

*oleh*

**EMBONG BIN YAHYA**

Siri Buku2 Pelajaran Dewasa DBP Bil. I.

# Asas Pengetahuan Bahasa

RENCANA SHARAHAN  
DALAM KURSUS PERINGKAT MENENGAH  
BAGI PENYELIA2 DAN GURU2 PELAJARAN DEWASA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

Oleh

EMBONG bin YAHYA  
(DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA)

YANG QUEE YEE

~~CHUK TONG AVE~~  
~~SINGAPORE 21~~

Di-terbitkan oleh *Koleksi Yang Quee Yee*

Dewan Bahasa dan Pustaka  
Kementerian Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu.

1961

楊 貴 誼 珍 藏

## SA-PATAH KATA

Naskhah kecil ini di-terbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ia-lah sa-mata2 sa-bagai suatu sumbangan kerja-sama yang rapat di-antara Dewan ini dengan pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dalam bidang memperkembangkan bahasa kebangsaan melalui Pelajaran Dewasa.

Oleh sebab isi2 sharahan mengenai pengetahuan bahasa yang di-beri dalam kursus guru2 Pelajaran Dewasa ini mustahak di-simpan oleh guru2 itu untuk di-kaji lebuh lanjut, bagi melengkapkan diri-nya sa-belum menempoh pepercuaan maka tidak-lah menjadi keberatan bagi Dewan ini memenuhi permintaan dari pehak Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Bahagian Pelajaran Dewasa) untuk menchetak naskhah ini berupa sa-buah buku kecil.

Saya perchaya naskhah ini berguna kapada pehak yang berkenaan.

SYED NASIR bin ISMAIL

Pengarah,

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuala Lumpur.

10hb. Oktober, 1961.

## PERINGATAN

Naskhah "Asas Pengetahuan Bahasa" ini ia-lah suatu rrenchana berhubong dengan pengetahuan bahasa yang disediakan khas bagi melayah Penyelia dan guru2 Pelajaran Dewasa di-bawah anjuran Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Bahagian Pelajaran Dewasa.

Pengelola2, Penyelia2 dan Guru2 Pelajaran Dewasa itu di-latch di-dalam suatu kursus kilat khas Peringkat Menengah sa-lama sa-minggu. Dalam masa sa-minggu itu hanya 6 jam sahaja di-untokkan bagi sharahan dalam pengetahuan bahasa. Tentu-lah tidak ada orang yang perchaya bahawa di-dalam masa 6 jam itu sa-saorang boleh mendapat pengetahuan bahasa Melayu peringkat menengah dengan sempurna. Sa-kurang2nya mengambil masa bertahun2 bagi orang yang hendak menguasai lapangan pengetahuan ini, lebeh2 lagi bagi sa-saorang guru.

Oleh hendak sesuaikan dengan zaman pembangunan yang serba pantas ini maka segala langkah, tenaga dan daya usaha kita mesti-lah juga di-percepat dan di-lipat gandakan dalam segala lapangan. Oleh insafkan keadaan ini-lah maka Pengelola, Penyelia dan Guru2 Pelajaran Dewasa ini di-beri kursus sa-chara kilat dan hebat. Pelajaran yang di-untokkan bagi masa 6 tahun itu di-beri dalam masa 6 jam sahaja. Dan dengan sebab itu-lah bahawa pengetahuan bahasa yang di-susun di-sini tidak-lah lengkap mengandungi semua selok-belok pengetahuan bahasa tetapi hanya di-beri pokok2 atau dasar2 yang penting sahaja untuk menjadi puncha pelajaran dan sa-bagai chontoh. Maka terpulang-lah kapada tiap2 sa-orang guru mengkaji dan mempelajari sendiri sa-lanjutnya daripada buku2 yang khas supaya sakurang2nya tercapai pengetahuan bahasa-nya ka-tingkat Sijil Pelajaran Rendah bagi bahasa Melayu bahkan lebh tinggi daripada itu.

Sa-tengah daripada bahan2 di-dalam rrenchana ini terutama berhubong dengan petua ejaan dan chontoh2 nahu ada-lah di-petek dan di-sador dari buku Pelita Bahasa Melayu 1 dan Kitab 'Ilmu Mengarang Melayu oleh Pendita Za'ba, kerana dari puncha2 ini-lah yang sedang di-pelajari di-sekolah2 Melayu sejak dari dahulu lagi.

Sa-perkara penting yang patut di-perhatikan berhubung dengan kandongan renchana ini ia-lah bukanlah pengetahuan bahasa itu sahaja yang di-beratkan tetapi yang lebih hendak di-utamakan ia-lah nasihat atau chontoh chara2 mengajar-nya. Pengetahuan ada-lah suatu perkara, dan chara mengajar-nya suatu perkara lain. Tidak berguna pengetahuan itu kepada guru2 kalau tidak tahu pula bagaimana hendak menyampaikan-nya kepada pelajar2 dengan chara yang teritor dan berkesan. Dengan sebab itu-lah diakhir tiap2 satu renchana ini ada di-beri pula chontoh chara latehan yang harus di-beri kepada pelajar2 dengan beransor2 mengikut peringkat masing2.

Saya perchaya renchana isi pelajaran ini berguna untuk guru2 supaya dapat memutala'ahkan-nya pula sa-sudah menghadhiri kursus di-tempat masing2 dan menjadi panduan bagi menghadapi pepereksaan kelak.

EMBONG bin YAHYA  
Pensharah dan Penyusun  
Renchana Ini.

Kuala Lumpur,  
1hb. Oktober, 1961.

## 1. MENGARANG

Pelajaran mengarang ia-lah suatu perkara yang terpenting di-dalam pelajaran bahasa. Dia ada-lah merupakan kemunchak bagi pengetahuan bahasa. Mengarang ada-lah alat atau saloran terpenting bagi menyibarkan segala ilmu pengetahuan dan penerangan kepada sa-suatu bangsa.

### Peringkat Karangan:

1. Karangan peringkat RENDAH.
2. Karangan peringkat TINGGI.

### Karangan Peringkat Rendah:

Dalam kursus peringkat pertengahan ini kita hanya mengkaji dan mempelajari perkara2 yang berkaitan dengan karangan peringkat rendah dan menengah sahaja, baik dari segi jenis2-nya dan chara2 mengajar-nya.

### Jenis2 karangan peringkat rendah:

- (1) Mengisi tempat kosong:
  - (a) untuk satu2 ayat
  - (b) di-dalam satu2 karangan pendek.
- (2) Membuat ayat daripada perkataan2 yang di-beri.
- (3) Membetulkan ayat2 salah.
- (4) Menyusun dan menyambongkan ayat2 yang dipontang-pantingkan susunan-nya.
- (5) Menyudahkan (a) ayat2 (b) karangan yang di-beri separoh sahaja.
- (6) Membuat beberapa ayat pendek daripada satu2 daripal yang tertentu, dengan di-beri bernombor:  
meja — kambing — kelapa — rumah saya —
- (7) Karangan daripada rangka lanjut yang di-beri atas satu2 daripal tertentu yang senang2.
- (8) "Karangan Dua Kali" yang di-bacha dua kali atas satu2 perkara tertentu yang senang dan pendek sahaja.
- (9) Membuat berita (news) pendek mengenai kejadian2 di-sakeliling kehidupan hari2 yang senang2.

- (10) Mengarang daripada satu2 daripada atau tajok tertentu yang senang2.

Bahan2 untuk di-karang:

1. Gambar2.
2. Barang2 yang ada di-sakeliling kehidupan sa-hari2: pakaian — meja — rumah — ikan — perahu — motokar — basikal.
3. Binatang2 yang di-bela atau sentiasa di-lihat: kuching — anjing — lembu.
4. Kejadian 'alam yang senang2: sungai — ayer bah — laut.
5. Pekerjaan yang senang dan biasa: menangkap ikan — bersawah padi — menoreh getah — berjaja — berkedai — bekerja di-pejabat.
6. Pokok2 yang senang2: kelapa — pisang — nenas — getah — pokok buah2an.
7. Kejadian yang berlaku sa-hari2: berita — perlenggaran — kematian — peraduan — temasha.
8. Permainan: bola — badminton — sepak raga — bola jaring.
9. Perkara2 yang menggunakan fikiran sendiri.

Jalan Mengajar Karangan Di-atas:

1. Mengisi tempat kosong.

(a) dalam satu2 ayat:

(i) Buku itu \_\_\_\_\_ meja.

(ii) Baju saya \_\_\_\_\_

(iii) Adek adek ada \_\_\_\_\_ kuching.

(b) dalam satu karangan pendek:

Pada hari sa-ekor telah menggoonggoong sa-ketul. Dia melalui sa-bush sungai. Ayer sungai itu sangat. Dari atas jambatan sungai itu nampak sen diri. Dia fikir lain menggoonggoong juga. Dia hendak ambil tulang itu. Bila dia

**mulut-nya** — yang di-dalam — itu pun  
jatoh — sungai itu. Demikianlah orang yang  
selalu rugi.

2. Membuat ayat:

**tetapi** = Dia pandai **tetapi** malas.

**senang** =

**sukachita** =

**mulia** =

3. Menyambongkan ayat dengan menggunakan sendi:  
dan, atau, tetapi.

Contoh:

Ahmad pergi tengok wayang.

Ahmad balek dengan bas.

(Ahmad pergi tengok wayang **dan** dia balek  
dengan bas).

4. Membetulkan ayat2 salah:

Betulkan ayat2 salah di-bawah ini mengikut  
bahasa kebangsaan yang betul:

(a) itu budak banyak jahat.

(b) saya pasar pergi tiap2 hari.

(c) dia boleh kasi ajar itu budak.

(d) itu orang banyak bodoh tetapi dia ta' ada  
suka mahu belajar.

(e) saya punya bapak punya punya adek ada datang  
dari Pulau Pinang.

5. Menyusun ayat yang di-pootang-pantingkan susun-  
an-nya:

Tuliskan balek ayat2 di-bawah ini mengikut  
susunan cherita-nya dengan betul supaya menjadi  
sa-buah karangan pendek:

(a) Arnab berlari pantas macham ribut.

(b) Arnab mengejek kura-kura.

(c) Suatu hari arnab berjumpa kura-kura.

- (d) Musang menjadi hakim dalam perlumbaan itu.
- (e) Kura-kura berjalan mengesut kerana kakinya pendek.
- (f) Mereka pun berlumba-lah.
- (g) Arnab fikir dia tentu menang, di-tengah jalan ia tidur.
- (h) Akhirnya kura-kura sampai dahulu.
- (i) Kata hakim kura-kura yang menang.
- (j) Tetapi kura-kura berjalan terus tidak berhenti2.
- (k) Arnab malu, lari masuk hutan.

Bahan-nya daripada perkara yang telah ada dalam pengalaman-nya.

#### 6. Menyudahkan:

##### (a) ayat:

Sudahkan ayat2 ini menjadi ayat yang sempurna:

- (i) Tiap hari saya pergi .....
- (ii) Dia lulus pereksa sebab .....
- (iii) Dia pandai tetapi .....
- (iv) Kalau saya kaya .....
- (v) Dia akan datang ka-mari kalau .....

##### (b) karangan:

Sudahkan ayat2 ini supaya menjadi karangan pendek:

Pada suatu hari sa-orang budak telah berjumpa sa-ekor anak kucing yang terjatoh ka-dalam se-buah parit .....

  
.....  
.....

7. Membuat beberapa ayat daripada satu2 dari hal yang tertentu:

Buat 10 ayat daripada tajok di-bawah ini:

### KUCHING

- (1) Saya ada bela sa-ekor kuching.
- (2) Kuching itu saya beri nama "Manis".
- (3) Kuching itu chantek.
- (4) Kuching saya suka minum susu dan makan nasi dengan ikan.
- (5) Kuching itu suka tidor siang.
- (6) Kalau ada kuching tikos habis lari.
- (7) Kuching saya pandai tangkap tikus.
- (8) Rupa kuching itu macham harimau.
- (9) Kalau hendak makan kuching itu bunyi mengiau.
- (10) Saya sayang kuching saya itu.

8. Mengarang daripada rangka:

### KELAPA

- (1) Sa-jenis pokok berpelepah.
- (2) Tinggi-nya 30—40 kaki.
- (3) Besar batang-nya kira2 sa-pemelok.
- (4) Buah-nya bertandan sa-besar kepala orang.
- (5) Banyak di-tanam di-negeri panas di-tepi pantai.
- (6) Sangat berguna:

Buah boleh di-makan — di-buat minyak — tempurong — sabut — lidi — batang — umbut — manggar.

9. "Karangan dua kali". Bacha sa-kali mula2 karangan cherita yang telah di-sediakan kemudian bayangkan sedikit cherita-nya dengan mulut—Kemudian bacha sa-kali lagi—baharu-lah di-suroh tulis balek. Perkara yang di-pentingkan ia-lah isi atau maksud-nya ta' terpesong.

10. Membuat berita:

Kuala Lumpur, 6hb. Ogos:

Petang semalam satu pertandingan bola sepak di-antara Pasukan Melayu Selangor dengan pasukan Melayu Singapura. Pertandingan itu di-adakan di-Stadium Merdeka kerana merebut Piala Mas Sultan2. Keputusan-nya Pasukan Melayu Singapura telah menang dengan 2 gol berbulas satu.

Kira2 10,000 orang telah menyaksikan pertandingan yang hebat itu.

Kerja2 yang patut di-buat:

- a. mengumpul berita.
- b. menulis berita kerja sendiri.
- c. menulis berita yang terjadi.

11. Mengarang daripada satu2 tajok tertentu, biasa-nya di-dalam ujian atau pepercayaan. Beri beberapa tajok untuk di-pilih satu daripada-nya. Bagi peringkat menengah panjang-nya kira2 200—300 perkataan. Jenis karangan ini di-katakan juga mengarang "Renchana".

Persediaan bagi membuat karangan ini lebuh kurang bagini:—

- (i) Fikir lebuh dahulu isi2 yang meliputi disakeliling masyarakat bagi tajok itu.
- (ii) Chatetkan pada sa-keping kertas kotor apa juga isi2 yang terlintas yang patut di-sebutkan.
- (iii) Pileh isi2 besar sebutkan dahulu.
- (iv) Timbangkan berapa banyak hendak di-sebut bagi satu2 isi.
- (v) Tulis-lah dengan susunan atau hidangan yang terator—kemas—terang—supaya senang di-faham oleh orang.
- (vi) Jaga atoran berperenggan.
- (vii) Maniskan atau biaskan karangan dengan peribahasa—simpulan bahasa—kata2 pendita.

## 2. PERIBAHASA

### 1. Erti-nya:

Peribahasa itu ia-lah segala susunan chakap yang pendek yang telah melekat di-mulut orang ramai se-menjak beberapa lama, oleh sebab sedap dan bijak per-kataan-nya, iuas dan benar tujuan-nya di-pakai akan dia jadi sebutan oleh orang sa-bagai bandingan, tuladan dan pengajaran.

### 2. Jenis-nya:

- (a) Perumpamaan.
- (b) Bidalan.

Bila di-sebut peribahasa, termasok sa-kali perum-pamaan dan bidalan.

#### Perumpamaan:

Perumpamaan ia-lah peribahasa yang bererti dua lapis. Sa-lapis ia-lah bunyi perumpamaan itu sendiri dan sa-lapis lagi ia-lah erti atau maksud di-sabalek perumpamaan itu. Maksud atau erti kapada perum-pamaan itu ia-lah suatu perbandingan yang di-tujukan kapada peri kehidupan manusia dan segala peribadi-nya. Sebab itu-lah hampir seluroh-nya perumpamaan itu di-ambil atau terjadi daripada benda2 yang bernyawa saperti binatang, pokok2, manusia dan benda2 yang ada hubongan dengan kehidupan manusia.

#### Chontoh perumpamaan dan erti-nya:

1. Saperti katak di-bawah tempurong:  
Sa-orang yang ta' pernah melihat negeri lain di-sangka tempat-nya itu-lah yang besar.
2. Saperti kumbang putus tali:  
Menunjukkan kelajuan sa-suatu benda.
3. Saperti gagak pulang ka-benua:  
Orang dagang yang pulang ka-negeri asal-nya, lupa-lah ia tempat ia berdagang dahulu.
4. Saperti haruan makan anak:

- Ketua yang mengkhianati orang2 yang dibawah-nya.
5. Saperti ketam menyuroh anak-nya berjalan betul:  
Sa-orang ibu bapa yang menyuroh anak-nya membuat betul tetapi dia sendiri ta' betul.
  6. Gajah sama gajah berjuang, pelandok mati di tengah2:  
Dua orang besar atau negeri besar yang berjuang orang kecil atau ra'ayat mendapat sengsara.
  7. Saperti bulan jatoh ka-riba:  
Mendapat tuah dengan ta' payah bersusah payah.
  8. Saperti anjing dengan kuching:  
Dua orang ta' boleh berjumpa, kalau berjumpa mereka bergaduh.
  9. Saperti kera kena belachan:  
Orang yang kelakuan-nya ta' suka dudok diam di-dalam majlis.
  10. Saperti ular kena palu:  
Barisan yang bengkang-bengkok.
  11. Saperti menchurah garam ka-dalam laut.  
Sia2 berbudi kapada orang kaya.
  12. Saperti chaching kepunasaran.  
Sa-saorang yang di-dalam kesusahan hidup.
  13. Bagai tikus jatoh ka-beras:  
Sa-orang yang mendiamkan diri sa-telah beroleh kesenangan.
  14. Sa-ekor kerbau membawa lumpor semua nya terpalit:  
Dengan sebab sa-orang yang membuat jahat semua orang di-dalam kompolan itu dikata jahat juga.
  15. Saperti embun di-hujong rumput:  
Kaseh sayang yang ta' kekal.
  16. Bagai anak ayam kehilangan ibu:

Anak2 yang ta' terator atau bercherai berai hidup-nya dengan sebab kehilangan penjaga-nya.

17. Sa-pandai2 tupat melompat akhir-nya jatoh ka-tanah juga:

Sa-pandai2 penchuri itu akhir-nya tertangkap juga.

18. Pipit sama pipit, enggang sama enggang:

Memang-lah 'adat dunia orang kecil bergaul sama2 kecil dan orang besar sama2 besar-nya.

19. Terlepas dari mulut buaya masuk ka-mulut harimau:

Mengelakkan daripada bahaya sa-orang musoh, terkena bahaya musoh yang lain.

20. Alang2 mandi biar basah, alang2 berdawat biar hitam:

Alang2 membuat sa-suatu itu biar sampai kesudahan-nya.

### Bidalan:

Bidalan ia-lah peribahasa yang bererti sa-lapis sahaja ia-itu tidak ada erti atau maksud yang berbeda daripada apa yang di-sebut oleh bidalan itu sendiri. Jantung terbitinya daripada binatang2. Tetapi bila memberi erti-nya mustahak-lah di-huraikan agak lebuh lanjut dan jelas lagi daripada bunyi bidalan itu.

Bidalan ini juga di-katakan 'Pepatah' atau 'kata Orang Tua2'.

Chontoh bidalan dan erti-nya:

1. Biar lambat asal selamat:

Bila membuat satu2 kerja biar-lah dengan lambat dan chermat supaya akhir-nya selamat.

2. Sadikit2 lama2 jadi bukit:

Kalau kita simpan wang sadikit2 lama2 jadi banyak.

3. Sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna:

Satu2 keputusan yang diambil dengan tidak berfikir halus2 itu akhirnya menyesal.

4. Ingat sementara belum kena, jimat sementara belum habis:

Hendak-lah beringat sementara belum kena kesusahan dan berjimat sementara belum kehabisan wang.

5. Jauh berjalan banyak pemandangan, lama hidup banyak di-rasa:

Kalau selalu melawat ka-negeri orang banyak pemandangan yang dapat di-lihat dan kalau lama hidup banyak pula pengalaman kita.

6. Hati hendak semua jadi:

Kalau kita kuat kemahuhan tentu-lah chita2 kita berjaya.

7. Takut kerana salah, berani kerana benar:

Kita takut kalau kita bersalah, tetapi hendak-lah berani atas perkara yang benar.

8. Buat baik berpada2 buat jahat jangan sa-kali:

Kalau kita berkawan baik dengan sa-sa-orang itu biar-lah berpada2 (jangan melebihi batas) tetapi walau bagaimana pun jangan-lah sa-kali2 membuat jahat kapada-nya.

9. Ringan tulang berat perut, berat tulang ringan perut:

Kalau rajin bekerja perut kenyang, kalau malas perut lapar.

10. Kerja raja di-junjong kerja sendiri di-kelek:

Kalau menjalankan tanggungan kerana lain, kerja sendiri pun di-buat juga.

### 3. Chara Mengajar-nya:

1. So'al ma'ana-nya daripada peribahasa yang dibeti: (peringkat tinggi).

#### Contoh:

Beri arti tiap2 peribahasa ini:

- (a) Alah membeli menang memakai.  
(b) Ukor baju di-badan sendiri.  
(c) Sa-hari salembor benang lmo2 menjadi kain.
2. Minta peribahasa daripada ma'ana atau maksud yang di-beri: (peringkat tinggi):

**Contoh:**

Beri peribahasa yang sesuai dengan maksud dibawah ini:

- (a) Kalah segala kesusahan kalau kita biasakan membuatnya.  
(b) Kalau malu bekerja tentu-lah susah hidup kita.  
(c) Menolong orang yang jahat dia akan merosakan kita.
3. Beri peribahasa dan ma'ana-nya berlainan tempat, suruh padankan peribahasa dengan ma'ana-nya (peringkat rendah).

**Contoh (A):**

- (a) Sia2 memberi nasihat kepada orang yang ta'mahu mendengar-nya.  
(b) Sa-pandai2 penchuri akhir-nya tertangkap juga.  
(c) Buat sa-suatu kerja biar sampai sempurna.  
(d) Buat dua kerja yang berfaedah dalam satu masa.

Ayat di atas ia-lah erti atau maksud kapada tiap-tiap peribahasa di-bawah ini. Chuba tulis balik peribahasa ini serta dengan erti-nya masing2.

- (1) Sambil menyelam sambil minum ayer.  
(2) Sa-pandai2 tupai melompat akhir-nya jatoh ke-tanah juga.  
(3) Seperti menchurah ayer ka-daun keladi.  
(4) Genggam bara api biar sampai jadi arang.

**Chontoh menjawab:**

- (a) Sambil menyelam sambil minum ayer.  
Erti-nya. Buat dua kerja dalam satu masa.

**Chontoh (B)**

Beri erti peribahasa daripada rajah ini:

(a) Berjagong2 dahulu sementara padi masak		Kita ta' dapat tahu kemalangan yang hendak terkena pada kita.
(b) Tikus membaiki labu	erti-nya	Kalau kita hendak buat sa-suatu kita boleh menchari ikhtiar bersunggoh2.
(c) Malang ta' berbau		Buat kerja2 kecil sementara menanti faedah dari kerja yang besar.
(d) Hendak sa-ribu daya		Orang yang ta' berpengetahuan membaiki kerosakan akhir-nya sa-makin rosak.

4. Menyudahkan peribahasa yang di-beri separoh sahaja. (peringkat pertengahan):—

**Chontoh:**

Sudahkan ayat2 ini supaya menjadi satu peribahasa betul:

- (a) Siapa makan lada .....  
 (b) Berjagong2 dahulu sementara .....  
 (c) Tiada rotan .....  
 (d) Diam ubi berisi, diam .....

- (e) Yang di-kejar ta' dapat .....

Boleh pula di-buat so'alan lagi ia-itu sa-sudah di-sudahkan di-suroh puia beri ciri-nya masing2 (peringkat tinggi).

5. Mengisi tempat kosong daripada ayat peribahasa (peringkat pertengahan):

**Chontoh:**

Penohkan tempat kosong di-dalam ayat peribahasa dibawah dengan satu perkataan yang menasabah.

Pilih daripada perkataan2 ini:

(jalan, parang, lada, khabar, berbahasa)

- (a) Siapa makan ..... dia berasa pedas.  
(b) Indah ..... dari rupa.  
(c) Orang berbudi, kita .....  
(d) Sesat di-hujong ..... balek ka-pangkalan jalan.  
(e) Belakang ..... di-asah lagikan tajam.

Dengan lain chara yang agak susah ta' payah di-beri perkataan2 untuk di-pilih.

6. Suroh terbitkan peribahasa sendiri daripada perkataan2 yang tertentu (peringkat tinggi).

**Chontoh:**

Beri satu (atau lebih) peribahasa yang terjadi daripada perkataan2 ini:

- (a) ular  
(b) gajah  
(c) padi  
(d) anjing  
(e) burong  
(f) bunga dan lain2 lagi.

Jenis so'alan ini juga boleh pula di-suroh beri peribahasa yang di-dalam-nya ada mengandungi dua jenis binatang sa-kali.

**Chontoh:**

Beri 5 (atau lebih) peribahasa yang di-dalam-nya ada mengandungi dua jenis binatang:

**Chontoh-nya:**

- (a) Gajah sama gajah berjuang pelandok mati di-tengah2.
- (b) Saperti anjing dengan kucing.
- (c) Lari dari mulut harimau masuk ka-mulut buaya.  
Boleh pula di-suroh memberi erti-nya bagi tiap2 peribahasa yang di-beri.

7. Suroh memilih jenis perumpamaan atau bidalan daripada peribahasa yang di-beri. (peringkat tinggi):

**Chontoh:**

Sebutkan mana dia jenis perumpamaan atau bidalan daripada peribahasa ini:

- (a) Sa-hari sa-lembat benang lama2 menjadi kain.
- (b) Ayer di-tetak tidak akan putus.
- (c) Takut kerana salah berani ketara benar.
- (d) Bagai tikus jatoh ka-beras.
- (e) Hendak sa-ribu daya ta' hendak sa-ribu daleh.
- (f) Menchurah garam ka-dalam laut.

**Chontoh menjawab:**

- (a) Sa-hari sa-lembat benang lama2 menjadi kain (perumpamaan).

### 3. SIMPULAN BAHASA

#### 1. Erti Simpulan Bahasa:

Simpulan Bahasa itu ia-lah rangkaian perkataan yang telah tetap tersimpul atau terbentuk dengan susunan yang khas dan dipakai dengan erti yang khas berlainan daripada asalnya.

#### Contoh-nya:

- |                     |   |                                                    |
|---------------------|---|----------------------------------------------------|
| 1. jadi abu         | = | sudah habis hancur lebor.                          |
| 2. makan angin      | = | pergi bersiar2 berchat2.                           |
| 3. anak buah        | = | keluarga kita atau orang2 di-bawah jagaan kita.    |
| 4. ibu keladi       | = | orang yang duduk ditengah2 orang ramai dimajlis.   |
| 5. buang ayer kecil | = | kenching.                                          |
| 6. ajak2 ayam       | = | ajak makan olok2.                                  |
| 7. darah ikan       | = | manggis yang hampir masak.                         |
| 8. hati batu        | = | orang yang keras hati.                             |
| 9. jejak bara       | = | hampir2 jejak.                                     |
| 10. buah tangan     | = | pemberian dibawa kaum saudara.                     |
| 11. buta huruf      | = | ta' tahu membaca dan menulis                       |
| 12. di-makan bulan  | = | kelapa yang rosak isi-nya masa di atas pokok lagi. |
| 13. berat tangan    | = | orang malas bekerja.                               |
| 14. telinga kuali   | = | orang yang ta' mendengar nasihat orang.            |
| 15. kaki bangku     | = | ta' tahu main bola.                                |
| 16. sa-kejap mata   | = | masa yang sa-bentar.                               |
| 17. makan angkat    | = | suka di-puji.                                      |
| 18. muka tembok     | = | muka ta' malu.                                     |

19. **murah hati** = orang yang tidak lokek—pemurah.  
20. **mulut manis** = perchakapan yang lemah lembut.

2. **Chara mengajar-nya:**

- (1) So'al ma'ana-nya: (Peringkat tinggi)

Chontoh:

Beri erti simpulan bahasa di-bawah ini:

- (a) panas hati
- (b) berat mulut
- (c) ayam tambatan

- (2) Minta beri simpulan bahasa daripada maksud atau erti yang di-beri: (Peringkat tinggi)

Chontoh:

Beri simpulan bahasa yang sesuai dengan maksud di-bawah ini:

- (a) khabar yang ta' tentu betul
- (b) orang yang bermuka2
- (c) barang yang sodah lemau

- (3) Beri simpulan bahasa dan ma'ana-nya berlainan tempat, suroh padankan simpulan bahasa dengan ma'ana-nya.

Chontoh (A): (Rendah, Menengah)

- (a) ta' memakai alas kaki
- (b) telinga yang kurang pendengaran.
- (c) orang yang chakap berdolak dalek.

Ayat2 di atas ini ia-lah erti atau maksud simpulan bahasa di-bawah. Chuba tulis balek simpulan bahasa ini dengan erti-nya masing2:

- (a) berat telinga
- (b) lidah berchabang
- (c) kaki ayam.

**Chontoh (B): (Rendah, Menengah)**

Beri erti simpulan bahasa daripada rajah ini:

(a) kaki bangku	erti-nya	orang yang suka chakap bohong barang2 yang lemau orang ta' tahu main bola
(b) panas hati		hati yang hendak marah
(c) lidah biawak		mata yang memandang betul masa menchari benda2.
(d) mata kotak		
(e) masok angin		

4. Menyudahkan simpulan bahasa yang di-beri separoh (dengan mengisi tempat kosong);— (Rendah, Menengah)  
**Chontoh:**

Penohkan simpulan bahasa ini:—

- (a) ..... angin
- (b) ..... terbuka
- (c) changkul .....
- (d) kecil .....
- (e) ..... tambatan
- (f) harga .....

5. Suroh terbitkan simpulan bahasa daripada perkataan yang di-beri:—

**Chontoh: (Peringkat Menengah, Tinggi)**

Beri satu (atau lebuh) simpulan bahasa yang terjadi daripada tiap2 perkataan ini.

- (a) mulut
- (b) angin

- (c) tangan
- (d) muka
- (e) telinga
- (f) lidah
- (g) kaki

Boleh juga di-suruh memberi ma'ana daripada simpulan bahasa yang di-beri.

6. Buat ayat daripada simpulan bahasa (Peringkat tinggi).
7. Beri ma'ana simpulan bahasa yang di-gunakan dalam ayat yang di-beri (tinggi).

## 4. NAHU

### I. Jenis-nya:

Nahu terbahagi kepada dua Jenis:

- (A) Nahu Bentok (formal Grammar)
- (B) Bukan Nahu Bentok (Informal Grammar)

### A. NAHU BENTOK

Nahu Bentok ia-lah nahu yang di-ajar dengan rasmi akan perkara nahu itu lengkap dengan undang<sup>2</sup> atau peraturan-nya satu persatu, dan di-suroh pelajar<sup>2</sup> mengapai nahu<sup>2</sup> itu, dengan tidak memikir dan menimbangkan adakah pelajar<sup>2</sup> boleh mengikuti atau memahami-nya.

Pengajaran nahu seperti ini ada-lah chara lama (sebelum perang). Sa-telah ahli<sup>2</sup> bahasa menimbangkan bahawa chara ini ta' memberi faedah kepada kanak<sup>2</sup> rendah atau pelajar<sup>2</sup> baharu, maka sekarang ka'edah nahu bentok ini tidak lagi di-ajarkan di-sekolah<sup>2</sup> rendah dengan rasmi tetapi dengan jalan di-gunakan di-dalam ayat<sup>2</sup>.

Di-sini jangan-lah salah faham ia-itu bukan pula nahu bagi satu2 bahasa itu ta' berguna atau ta' payah menulis dengan bernahu. Bukan demikian maksud-nya. Bagi pengetahuan guru<sup>2</sup> mustahak mengetahui-nya satu persatu tetapi mustahak di-ajar kepada pelajar<sup>2</sup> baharu. Agak mustahak di-kaji nahu sa-chara bentok apabila pelajar<sup>2</sup> naik ka-peringkat menengah tinggi atau tinggi.

### Contoh Nahu Bentok:

Contoh nahu bentok boleh-lah di-perhati dan di-gunakan di-dalam buku "Pelita Bahasa Melayu" karangan Pen-dita Za'ba. Di-dalam buku ini di-terangkan satu persatu undang<sup>2</sup> sa-tiap perkara yang mengenai nahu Melayu.

Dalam mengajar Penambah "Ber" di-terangkan:

"Ber" ia-lah penambah di-awal, guna atau maksud-nya:—

1. Menunjukkan perbuatan itu di-lakukan oleh pem-buat-nya, bagi diri-nya sendiri dengan maksud bangun membuat:

Mithal-nya:

Saya **berlari** ka-sekolah.  
Ia **berbaring** di-serambi.  
Ia **berchukor** di-situ.

2. Menunjukkan perbuatan itu di-lakukan di atas yang kena buat, bagi diri yang kena buat itu sendiri ia-itu dengan maksud "bangun kena buat".

Mithal-nya:

Baju itu belum **berjahit** lagi.  
Surat itu belum **bertulis** lagi.

3. Menjadikan perbuatan daripada perkataan lain yang bukan perbuatan.

Mithal-nya:

Sambil **berjalan** saya bercherita.  
Dia **berubat** di-rumah sakit.

4. Menunjukkan maksud berlawan atau berbalas, atau berlaku di-antara dua pihak atau lebih.

Mithal-nya:

Budak itu **bertumbok**.  
Orang itu **bertikam**.

5. Menunjukkan maksud ada atau milek.

Mithal-nya:

Saya ta' **berduit**.  
Dia berjalan ta' **berbaju**.  
Bilek ini ta' **berlampa**.

6. Menunjukkan bilangan atau jumlah.

Mithal-nya:

Saya datang **bertiga**.  
Rumah itu **bertingkat**.

Penambah "Ter" sa-jenis penambah di-awal maksudnya:

1. Menunjukkan perbuatan itu di-lakukan dengan ta' sengaja.

Mithal-nya:

Saya hendak memukul ular **terpukul** kaki-nya.  
Kereta-nya **terlanggar** tiang batu itu.

2. Menunjukkan ada **upaya** atau kuasa:

Mithal-nya:

Saya ta' **terangkat** batu itu.  
Dia ta' **terlawan** musoh2 itu.

3. Menunjukkan perbuatan yang sedia dan telah sempurna jadi atau yang akan jadi dengan sempurna.

Mithal-nya:

Buku ini **terpakai** di-sekolah2.  
Kitab ini terkarang sa-tahun dahulu.

4. Menjadikan perkataan yang bukan perbuatan kepada perbuatan.

Mithal-nya:

Dia sa-orang yang **ternama**.  
Dia **tertawa** melihat-nya.

5. Jika **di-hujong ter** itu bersambut dengan perkataan berganda, maka maksud-nya menunjukkan kosong daripada faedah atau berlaku dengan berpanjangan.

Mithal-nya:

Sarang burong itu **terbuai-buai** di-pokok itu.  
Apa buat **terchengang-chengang** di-situ?

6. Jika "Ter" di-pakai pada perkataan **sifat** maka kuasa-nya menguatkan ma'ana sifat itu.

Dia orang yang **terpandai** sa-kali.  
Dia orang yang **tertinggi** sa-kali.

Penambah "me" juga sa-jenis penambah di-awal. Satu daripada maksud atau guna penambah "me" ini ia-lah menunjukkan "**membuat pekerjaan**" atau memberatkan melaku perbuatan.

Mithal-nya:

Ali **menulis** surat.

Dia **membuat** kerja itu.

Saya boleh **membaca** buku ini.

Sa-perkara yang mustahak di-ingatkan tentang penambah "me" ini ia-lah perubahan ejaan bila di-gunakan tergantong kapada huruf awal bagi satu2 perkataan itu. Perhatikan atoran-nya di-bawah ini:

- (a) di-gunakan "me" pada perkataan yang berawalkan huruf2:

l, m, n, r, w, y,

**Contoh:**

lawan	=	melawan
makan	=	memakan
nanti	=	menanti
rasa	=	merasa
warna	=	mewarna
yakinkan	=	meyakinkan.

- (b) di-gunakan "mem" pada perkataan yang berawalkan huruf2:

b, f, p.

bawa = membawa

fikir = memikir

(f. di-matikan)

pakai = memakai

(p. di-matikan).

- (c) di-gunakan "men" pada perkataan yang berawalkan huruf2:

ch, d, j, t, z.

chari = menchari

dengar = mendengar

<b>jalankan</b>	=	menjalankan
<b>turut</b>	=	menurut (t, di-matikan)
<b>ziarah</b>	=	menziarah.

(d) di-gunakan "meng" pada perkataan yang berawalkan **buruf2:**

a, c, g, h, i, k, o, u.

**Contoh:**

<b>ambil</b>	=	mengambil
<b>clok</b>	=	mengelokkan
<b>gantong</b>	=	menggantong
<b>hisap</b>	=	menghisap
<b>intai</b>	=	mengintai
<b>kalah</b>	=	mengalah
		(k, di-matikan)
<b>olah</b>	=	mengolah
<b>ubat</b>	=	mengubat

(e) di-gunakan "meny" pada perkataan yang berawalkan huruf:

s.

<b>suruh</b>	=	menyuruh
<b>salin</b>	=	menyalin

(s, di-matikan)

Perhatikan pula perkataan yang berawalkan:

ch, ng, ny, th, gh, kh, sh, dh, dz.

"me" pada: ng, ny, gh.

<b>nganga</b>	=	menganga
<b>nyanyi</b>	=	menyanyi
<b>ghaib</b>	=	meghaib

"men" pada: ch, th, sh, dh, dz.

<b>chari</b>	=	menchari
<b>thabit</b>	=	menthabit
<b>sharah</b>	=	mensharah
<b>dharab</b>	=	mendharab

dzikir	=	mendzikir
"meng" pada: kh.		
khabar	=	mengkhabarkan

#### Peringatan:

Ka'edah mengeja dalam menggunakan penambah 'me' ini sama-lah juga dalam menggunakan penambah 'pe' yang menerbitkan. Pe, pen, pem, peng, peny.

### B. BUKAN NAHU BENTOK

Bukan Nahu Bentok (Informal Grammar) ia-lah nahu yang di-ajar dengan sa-chara tidak rasmi akan undang2 nahu melainkan dengan beri chontoh2 di-dalam ayat sahaja.

Waktu hendak mengajar ini pun tidak di-tentukan dan ta' di-sebut langsung kepada murid atau pelajar2 melainkan pengajaran nahu itu di-sentoh apabila pelajar2-nya mendapat kesedaran sendiri dengan jalan membuat pertanyaan kepada guru2 akan ayat2 yang di-jumpai di-dalam bacaan-nya. Keadaan ini terdapat sa-telah pelajar2 masok ka-peringkat menengah.

Suatu chontoh yang dapat di-beri ia-lah umpama-nya pelajar2 telah berjumpa di-dalam bacaan-nya akan ayat:

"Bilek itu gelap sebab tidak **berlampa**". Pelajar2 bertanya mengapa di-gunakan **berlampa**. Apa-kah itu "**ber**".

Bila menerima pertanyaan ini guru mesti ingat bahawa murid2-nya telah minta menerangkan nahu penambah "ber".

Guru jangan-lah membawa kapada nahu bentok dengan menerangkan undang2 dan guna penambah "ber" pada keselurohan-nya. Apa yang patut di-buat ia-lah di-terangkan mengikut kegunaan di-dalam ayat. Di-dalam ayat di atas **berlampa** itu bermaksud "ber" itu **menunjukkan ada**. (ada lampu), kemudian terus di-beri chontoh dengan beberapa ayat lagi:

- (a) Bilek itu gelap sebab ta' **berlampa**.
- (b) Saya hendak beli baju tetapi ta' **berduit**.

- (c) Dia kaya tetapi ta' **bermotorkar**.
- (d) Dia ada kasut tetapi ta' **bersongkok**.
- (e) Anak ayam itu sudah ta' **beribu**.

Jangan sa-kali2 di-sentoh guna2 yang lain. Dan bagitu-lah di-buat pada nahu2 yang lain.

Boleh-lah di-katakan bahawa Bukan Nahu Bentok ialah mengajar nahu dengan di-beratkan chontoh2 daripada mencerangkan hukum2-nya.

## 2. Chara mengajar Nahu:

Chara mengajar yang baik, terutama bagi pelajar2 rendah atau baharu hendak-lah di-buat mengikut **Bukan Nahu Bentok** saperti chontoh yang di-beri.

Latahan2 nahu boleh-lah di-buat bagini:—

1. Suroh di-gunakan di-dalam ayat: (Peringkat Tinggi)  
Chontoh:

Buat lima ayat dengan menggunakan penambah "ber" menunjukkan "ada".

2. Beri ayat suroh terangkan maksud: (guna): (Peringkat Menengah, Tinggi).

Chontoh:

Beri maksud penambah yang di-gunakan di-dalam ayat di-bawah ini:

- (a) Dia ada baju tetapi ta' **berkasut**.
  - (b) Dia hendak pukul tikus **terpukul** kakinya.
  - (c) Saya ta' **terlawan** orang itu.
3. Mengisi tempat kosong (Peringkat Rendah).

Chontoh:

Penohkan tempat kosong dengan salah satu daripada sendi **di-** atau **ka-** di-dalam ayat2 di-bawah ini:

- (a) Buku itu ..... atas meja.
- (b) Bila dia melihat ..... belakang dia nampak sa-ekor harimau.

- (c) Leher saya sakit kalau saya melihat ..... atas.
- (d) Abang hendak ..... Kuala Lumpur.
- (e) Dia tinggal ..... Petaling Jaya.
4. Membentuk ayat (Peringkat Menengah).

**Contoh:**

Buat ayat daripada rajah ini:

Saya ta'		diri	pekerjaan yang berat ini
Saya tidak	ber	buat	bendak membeli barang itu
Buku2 ini sudah	ter	pakai	di-dalam sekolah2 Melayu
Rumah ini sudah		duit	di-sini 5 tahun dahulu

5. Buat ayat sebagaimana contoh (Peringkat Menengah, Tinggi).

**Contoh:**

Ayat penambah "ter" menunjukkan ta' sengaja.

- (a) Dia hendak tembak rusa tertembak kawan-nya.  
 (b) Saya hendak tendang bola tertendang kepala-nya.  
 (c) Motosikal-nya terbanggar tembok.
6. Suroh tulis balek sesuaikan dengan penambah (Peringkat Tinggi).

**Contoh:**

Tulis balek perkataan ini dengan menggunakan penambah "me".

ambil, bawa, ceritakan, dengar, clokkan, taham, goenggoeng, hempas, ikut, janji, kata, kawan, masok, nampak, olok, pasang, raba, sentoh, tunggu, ubat, warna, yakin, ziarah.

**Contoh:**

ambil	=	mengambil
bawa	=	membawa

## 5. JENIS2 PERKATAAN DAN KERJA2-NYA

Jenis2 perkataan dalam bahasa Melayu bolehlah dibahagikan kepada lima jenis yang besar:

1. NAMA: Ia-itu segala perkataan menyebut benda atau orang; seperti meja, durian, bodak, batong, tahun, buah, saya, dia dan sa-bagai-nya. Ganti-nama termasuk ka-dalam jenis NAMA, saya, dia, meteka-mya, aku, engkau, awak, emak, bapu.
2. PERBUATAN: Ia-itu segala perkataan menyebut perbuatan yang di-kerjakan atau keadaan yang di-adakan seperti ambil, beri, dudok, mahu, ada, jadi, dapat.
3. SIFAT (RUPA): Ia-itu segala perkataan yang menerangkan atau menunjukkan sifat sa-suatu nama atau perbuatan atau lain-nya seperti: besar, bodoh, pandai, segera, chantek, pulch, kecil.  
Sifat ada dua jenis:
  - (a) sifat nama
  - (b) sifat kata.
4. SENDI: Ia-itu perkataan yang menyambungkan antara perkataan dengan perkataan atau antara bahagian chakap, seperti dengan, oleh, akan, dari, tetapi, sebab, dan, atau, jika.
5. SERUAN: Ia-itu perkataan2 yang sa-mata2 guna-nya bagi mengeluarkan perasaan hati ketika memanggil, terperanjat, hairan, mengejek, sakit, bibi, marah dan sa-bagai-nya. Seperti: oh, ah, amboi, adohai, wahai, oi, wah, cbel, eh.

### Chara2 mengajar-nya:

Jangan di-so' al sa-chara nahu bentok dengan mencirangkan satu persatu, tetapi buat-lah latihan dengan sa-chara bukan nahu bentok.

- (a) Mintak daftarkan perkataan nama, atau perbuatan atau ganti nama daripada satu2 ayat.
- (b) Mengisi tempat kosong dengan di-beri perkataannya untuk dipilih.

### **Chontoh:**

- (i) Budak2 itu ada lima orang .....  
bermain2 di-padang.  
(dia, saya, mereka, awak)

(ii) Hari ini dia tidak ..... ka-sekolah.  
(datang, masuk, pergi, berjalan)

(c) Mengisi tempat kosong dengan sendiri.

(d) Ayat2 berlawan:

(i) (Dia sa-orang yang malas  
(  
(Dia sa-orang yang rajin.

(ii) (Dia pandai sebab dia rajin  
(  
(Saya bodoh sebab saya malas.

(iii) (Dia datang lambat  
(  
(Saya datang cepat.

## 6. MAS'ALAH EJAAN RUMI

Ejaan bahasa Melayu tulisan rumi kita sekarang yang rasmi-nya ia-lah mengikut petua Za'ba seperti yang dihuraikan di-dalam buku-nya Pelita Bahasa Melayu. Ejaan ini masih di-pakai di-sekolah2 Tanah Melayu sekarang. Belum ada sa-barang atoran yang lain daripada itu. Ejaan yang lain itu ada-lah di-anggap salah.

Suatu hal yang mengelirukan kebanyakan orang hari ini ia-lah perbedaan cjaan yang di-tulis di-buku2 dan surat2 khabar kita sekarang. Ada orang yang mengikut ejaan Indonesia dengan tidak menghiraukan petua2 ejaan sekolah yang telah berpuluhan tahun di-negeri kita.

Walau pun ada rancangan persatuan bahasa dan ejaan di-antara Malaya-Indonesia tetapi mas'alah ini belum di-ishtiharkan lagi apa yang di-namakan ejaan Melindo.

Jadi pada pendapat saya supaya tidak mengelirukan pelajar2 bahasa Melayu maka jangan-lah kita memandai2 sendiri menukar sa-tengah2 ejaan Rumi kita buat sementara ini. Kita akan mengubah-nya serentak menakala ejaan Melindo itu di-ishtiharkan dengan rasmi oleh kedua2 buah negara bagi pergunaan umum.

Untuk pengetahuan kita mari-lah kita kaji sadikit sa-tengah2 petua ejaan Rumi kita mengikut petua Za'ba akan sa-tengah2 ejaan yang boleh mengelirukan kita.

### 1. Huruf2 saksi dan bunyi-nya:

Bunyi	Kasar	Halus
Atas.....	a	é
Bawah.....	c	i
Hadapan.....	o	u

**2. Mengeja Rumi dari huruf jawi:**

(a)	h =	ه	dan	ح
	k =	ك	dan	ك
	s =	س	dan	س
	t =	ت	dan	ت
	z =	ز	dan	ز
(b)	ng =	ڠ		ڠ
	ny =	ڽ		ڽ
	ch =	ڇ		ڇ
	kh =	ڻ		ڻ
	sh =	ڙ		ڙ
(c)	' =	ء		
	,	،		

**3. Saksi halus atau kasar di-hujong:**

- (a) Jika huruf h atau k di-akhir perkataan dan bunyi akhir itu ka-bawah, hendak-lah di-pakai saksi e.

Mithal-nya:

h = aleh, leteh, sireh, boleh.

k = balek, batek, chantek, bilek.

- (b) Jika lain daripada hurut h dan k ini di-hujong perkataan yang berakhirkannya bunyi bawah hendak-lah di-pakai saksi halus ia-itu t:

nasib, sharif, katil, sakit, salin,  
kechualis kalau bunyi yang terdahulu daripada-nya  
Bawah Kasar atau Hadapan Kasar, maka di-pakai-lah saksi kasar juga ia-itu e:  
deret, leher, chomel, monyet.

- (c) Jika di-akhir perkataan huruf h, k, ng, r dan bunyi akhir itu hendak-lah di-pakai saksi o (Hadapan kasar):—

h = jatoh, basoh, sentoh, tedoh.

k = batok, busok, burok, suntok.

ng = sarong, payong, gunong, hujong.

*r* = ator, kotor, tidor, timor.

Kecuali daripada atoran ini jika bunyi berkait: jauh, pauk, lauk, laung, baur.

- (d) Jika lain daripada huruf: h, k, ng, dan r, di-hujong perkataan yang berakhirkan bunyi Hadapan, hendak-lah di-pakai saksi halus (U):  
jarum, bisul, timbun, minum,  
ribut, hidup, mulut, timun.

Jika bunyi yang dahulu daripada-nya Bawah Kasar atau Hadapan Kasar maka di-pakai-lah saksi kasar (O):

belot, boros, pohon, botol, dodol, herot, bobos.

- (e) Pakai-lah saksi halus di-hujong jika bunyi yang dahulu-nya halus, dan pakai saksi kasar di-hujong jika bunyi yang dahulu-nya kasar.

Halus lawan Halus:

i	i	=	pitis, bibir, fikir
u	u	=	butir, chubit, kutip
i	u	=	bisul, tikus, ribut
u	u	=	bubul, pukul, tutup
e	i	=	tepi, petir, betis, kelip
e	u	=	tebu, tebus, betul, kebun

Kasar lawan Kasar:

c	c	=	leter, leher, senget
o	c	=	chomel, goreng, bogel
e	o	=	belot, herot, bangot
o	e	=	boros, botol, gondol

Kecuali akhir (h-k, ng-t)

- (f) Bunyi melempai:

Atas + Bawah = tapai, kedai, morai

Atas + Hadapan = kachau, pisau, surau

Hadapan + Bawah = kaloi, sekoi, amboi

- (g) Bunyi Berkait:

Atas + Bawah = kail, kain, lain, baik.

Atas + Hadapan = laut, jauh, maut

Hadapan + Bawah = duit, kuis, kuit.

(kecuali akhir-nya h, k, r, ng = kuch,  
buah, kuck, bueng, kuet).

## 7. SURAT KIRIMAN

Ada berbagai2 jenis surat kiriman Melayu. Tetapi walaupun apa jenis pun surat kiriman yang dibuat, biasanya menehadongi perkara2 ini:

- (a) 'Alamat pengirim
  - (b) Tarikh (**Haribulan**)
  - (c) Nama yang di-kirim (penerima)
  - (d) 'Alamat penerima
  - (e) Do'a (boleh di-tinggalkan)
  - (f) Bahasa hormat
  - (g) Isi surat
  - (h) Penutup
  - (i) Tanda tangan pengirim
  - (j) Nama Pengirim

Perhatikan chontoh di-bawah ini:



Perkara (e) do'a itu biasa-nya di-sebut dalam surat ke-luareya atau persahabatan sahaja dengan di-sebut:

Dengan selamatnya, (atau)  
Dengan kesejahteraannya.

Tetapi dalam surat kiriman di-zaman moden ini oleh sebab hendak ringkas maka "do'a" itu selalu di-tinggalkan (ta' payah di-sebut).

## JENIS2 SURAT KIRIMAN

### 1. Surat Kiriman Keluarga.

Dalam surat kiriman di-antara keluarga ini yang mestahak di-perhatikan ia-lah menggunakan perkataan "bahasa diri". Saperti:

(a) Anakanda (anak)	dengan	Ayahanda (bapa)
(b) Adinda (adek)	dengan	Kakanda (abang—kakak)
(c) Chuchunda (chuchu)	dengan	Nenda (datok, nenek)

Chontoh-nya (dari anak kepada bapa).

25, Jalan Md. Ali,  
Alor Star,  
Kedah.  
28hb. September, 1961.

Yang Mulia,  
Ayahanda Che' Ahmad bin Daud,  
Pejabat Tanah Pulau Pinang.  
Dengan Kesejahteraan-nya.  
Ayahanda yang di-kasehi,

Dengan hormat-nya di-ma'alumkan hal anakanda di-dalam sihat dan selamat.

Anakanda harap pada bulan ini ayahanda kirim wang lebih sadikit kerana anakanda hendak membeli sa-pasang pakaian sekolah. Pakaian yang lama itu telah borok benar. Sa-buah buku pelajaran yang baharu hendak di-beli juga. Kawan2 anakanda semua-nya sudah beli buku itu.

Sa-kian-lah di-uchapkan berbanyak2 terima-kasih jua dan salam bahagia.

Anakanda yang benar.

(Mohd. Nor bin Ahmad).

Dalam bahagian surat keluarga ini termasuk juga surat di-antara sahabat. Tetapi bahasa diri tidak seperti surat keluarga di atas. Hanya boleh-lah di-pakai:

Saya,	tuan,	saudara,
puan,	saudari,	sahabat-ku,
dan sa-umpama-nya.		

## 2. Surat Jemputan:

Surat jemputan pun berbagai jenis mengikut tujuan jemputan itu sendiri seperti:

- (a) Jemputan kahwin
- (b) Jemputan Meshuarat
- (c) Jemputan temasha

Walau bagaimana pun tiap2 surat jemputan mesti-lah mengandungi perkara2 penting ini:—

- (a) Nama yang di-jemput
- (b) Tempat majlis jemputan (alamat rumah yang terang).
- (c) Tarikh majlis (Hari, haribulan)
- (d) Masa jemputan (jam, pukul)
- (e) Tujuan majlis
- (f) Penutup
- (g) Nama penjemput

### A Contoh jemputan kahwin

**Alhamdulillahi Wahdah**

Dengan hormat-nya di-jemput Enche' Ibrahim bin Daud dan isteri ka-rumah saya No. 15, Jalan Yunus, Kuala Lumpur, pada hari Ahad 24hb. September, 1961 pukul 5.00 petang, kerana majlis jamuan tch mera'ikan perkahwinan anak saya.

Harap di-persudikan terima-kasih:

Yang ikhlas,  
Mansor bin Ali  
Maimunah binti Aris.

Boleh juga di-buat bagini.

Ahmad bin Nasir dan isteri dengan hormat-nya menjemput Enche' Harun bin Musa dan isteri ka-rumah No. 315, Jalan Kenanga, Kuala Lumpur, pada hari Ahad 24hb. September, 1961 pukul 1 tengah hari kerana majlis perkahwinan anak-nya.

Halimah binti Ahmad

dengan

Abdullah bin Ali

Harap di-persudikan, terima-kasih.

#### B. Chontoh Jemputan Meshuarat

Persekutuan Kebajikan Kampong Suka,  
Kuala Lumpur.

20hb. September, 1961.

Enche' Harun bin Daud.  
15, Jalan Tapai,  
Kuala Lumpur.  
Tuan,

#### Meshuarat Jawatan-kuasa

Dengan hormat-nya di-jemput tuan ka-rumah No. 70, Jalan Pulut, Kuala Lumpur, pada hari Sabtu 30hb. September, 1961 pukul 2.30 petang kerana meshuarat Jawatan-kuasa.

#### Ajenda:

1. Mengesahkan minit meshuarat yang lalu.
2. Perkara yang berbangkit.
3. Chadangan mengadakan derma kemahiran.
4. Mengadakan Majlis Maulud Nabi.
5. Lain2 hal.

Saya dengan hormat-nya.

Setia-usaha YK.

### C. Contoh Jemputan Ternasha

Jawatan-kuasa, Guru2 dan murid2  
Sekolah Kebangsaan Kampong Tiga

Dengan beberapa hormat-nya menjemput.....  
ka-sekolah Kebangsaan Kampong Tiga, pada hari Sabtu  
23hb. September, 1961 pukul 3.00 petang kerana "Hari  
Ibu bapa" dan majlis menyampaikan hadiah bagi tahun  
ini.

Harap di-persodikan, terima-kasih.

### 3. Surat Jawatan:

Surat jawatan ia-lah surat2 urusan pejabat kerajaan dan  
pejabat lain yang bukan surat hal diri atau keluarga.  
Surat ini termasuk:

- (a) surat urusan jawatan
- (b) surat permohonan
- (c) surat minta chuti

Bahasa diri bagi surat ini ia-lah memandai di-sebut saya  
dan tuan sahaja.

### A. Contoh surat jawatan:

**BIL. (50) dlm. KPLB /108/61**

Kementerian Pembangunan Luar Bandar  
(Bahagian Pelajaran Dewasa)  
Brockman Road, Kuala Lumpur.  
15hb. September, 1961.

Tuan Pengarah,  
Dewan Bahasa dan Pustaka,  
Kuala Lumpur.  
Tuan,

## **Cheramah kepada Penyelia2 Pelajaran Dewasa**

Dengan hormat-nya di-minta kemurahan tuan memberi suatu cheramah kepada Penyelia2 Pelajaran Dewasa yang sedang menjalani suatu kursus di-Kuala Lumpur.

Tajok cheramah itu ia-lah berhubung dengan "Peranan Dewan Bahasa dan Perkembangan Bahasa Melayu".

Masa-nya ia-lah hari Sabtu 23hb. September ini pukul 8 malam di-Dewan Sekolah Maxwell, Kuala Lumpur.

Di-harap mendapat jawapan dari tuan dengan kadar segera kerana benda di-masukkan ka-dalam achara-nya.

Atas kerja-sama tuan di-uchapkan berbanyak2 terimakasih.

Saya dengan hormat-nya,

(Muhammad bin Mohd. Nor)  
b.p. Setia-usaha  
Kementerian Pembangunan  
Luar Bandar.

### **B. Contoh surat jawatan:**

**Bil. (20) dlm. P.D. JB/19/61**

Pejabat Pegawai Daerah,  
Johor Baharu.  
19hb. Oktober, 1961.

Tuan Penyelia,  
Pelajaran Dewasa,  
Mukim Pelentong,  
Johor Baharu.

Tuan,

### **KELAS2 DEWASA**

Di-minta-lah dengan kerja-sama tuan supaya mengirimkan kapada saya suatu senarai mengenai dengan kelas dewasa yang telah di-tubuhkan di-dalam daerah di-bawah

jagaan tuan semenjak mula di-tubohkan sa-hingga 1hb. Oktober 1962 ini.

Senarai itu hendak-lah mengandungi nama kampong, tarikh di-buka, ramai pelajar2, jenis kelas, dan sa-barang kenyataan yang berguna.

Sa-baik2-nya senarai itu hendak-lah sampai ka-pejabat ini sa-belum 31hb. Oktober ini.

Sa-kian-lah terima-kasch.

Yang benar,

(Md. Ali bin Yusof)  
Pegawai Daerah,  
Johor Baharu.

C. **Chontoh jawapan-nya:**

**Bil. (5) dlm. PPD/JB/3/61.**

70, Jalan Md. Amin,  
Johor Baharu.  
27hb. Oktober, 1961.

Tuan Pegawai Daerah,

Johor Baharu.

Tuan,

**KELAS2 DEWASA**

Bagi menjawab surat tuan Bil. (20) dlm. P.D. JB/19/61 bertarikh 19hb. Oktober 1961 atas perkara di-atas, dengan hormat-nya saya kembarkan bersama2 ini sa-naskhah senarai yang di-kehendaki itu.

Sa-kian-lah terima-kasch.

Dengan hormat-nya,

(Talib bin Juma'at)  
Penyelia,  
Pelajaran Dewasa Daerah  
Johor Baharu.

**D. Contoh Surat Memohon Kerja:**

78, Jalan Sentosa,  
Kuala Lumpur.  
1hb. Jun. 1961.

Tuan Setia-usaha,  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,  
(Bahagian Pelajaran Dewasa),  
Brockman Road,  
Kuala Lumpur.

Tuan,

**Memohon Jawatan Kerani Sementara**

Ada-lah dengan hormat-nya di-ma'alumkan ia-itu saya mendapat khabar yang kementerian ini berkebendakkan beberapa orang bagi menjadi kerani sementara.

Yang demikian saya dengan sukachita-nya memohon jawatan yang tersebut. Bagi menjelaskan perkara2 yang berhubung dengan hal diri dan pelajaran saya bersama2 ini di-kembarkan salinan surat beranak, sijil pelajaran dan surat akuan daripada Guru Besar sekolah saya dahulu.

Saya mengaku akan bekerja dengan ta'tat dan amanah. Sa-kian-lah mudah2an berhasil jua. terima-kaseh.

Saya dengan hormat-nya,

.....  
(Ali bin Musa)

**E. Contoh Surat Mohon Chuti:**

Kementerian Pembangunan Luar Bandar,  
(Bahagian Pelajaran Dewasa)  
9hb. Oktober, 1961.

Tuan Timbalan Setia-usaha,  
Kementerian Pembangunan Luar Bandar,  
(Bahagian Pelajaran Dewasa)  
Kuala Lumpur.

Tuan,

**Memohon Chuti**

Dengan hormat-nya saya memohon chuti sa-lama dua

hari ia itu pada 15 dan 16 Oktober ini kerana hendak menyambut bapa saya balek dari Mekah di-pelabuhan Swettenham.

Sa-kian-lah terima-kasch.

Saya dengan hormat-nya,

(Musa bin Mohi)

#### 4. Surat Memesan Borang:

Surat memesan borang hendak-lah di-tulis sa-berapa ringkas tetapi mesti di-nyatakan dengan terang mengenai wang, jenis barang dan banyak-nya dan 'alamat pemesan.

**Chonteh-nya (A).**

Sekolah Kebangsaan Damai,  
Kuala Pilah,  
Negeri Sembilan.  
10hb. Jun. 1961.

Tuan Pengurus,  
Kedai Kita,  
Kuala Lumpur.

Tuan,

Bersama2 ini di-kirimkan wang tunai sa-banyak \$25.00.  
Bagi harga buku2 ini:—

(a) 5 buah buku "Bahagia" ...	... \$10.00
(b) 10 buah buku "Cherita Baharu" ...	10.00
(c) 2 buah buku "Pedoman Diri" ...	5.00
<hr/>	
\$25.00	

Harap kirimkan segera.

Yang benar,

(Ahmad bin Daud)

### **Chontoh (B).**

10hb. Julai, 1961.  
78. Kedai Ular,  
Kota Baharu,  
Kelantan.

Tuan Pengurus,  
Perchetakan Maju,  
Kuala Lumpur.

Tuan,

Tolong kirimkan buku2 di-bawah ini dengan jalan C.O.D.:—

1. 50 buah Buku Kira2 Mudah.
2. 40 buah Buku Belajar Bahasa.
3. 80 buah Buku Rampaian Sains.
4. 25 buah Buku Panduan Guru.
5. 30 buah Buku 'Ilmu 'Alam II.

Yang benar.

(Ali bin Hasan)  
Pengerusi.

### **Peringatan:**

Menulis surat kiriman bukanlah suatu perkara yang payah, kerana telah menjadi perkara biasa. Tetapi walau pun bagitu surat kiriman bagi sa-suatu bangsa itu ada dengan peratoran yang khas yang patut juga di-berati kerana dia ada-lah bersangkut paut dengan kebudayaan, kesopanan dan ketertiban bangsa itu. Bagitu juga bagi kita bangsa Melayu.

Supaya tidak di-katakan menyinggong hati penerima atau supaya tidak di-anggap kurang sopan maka perkara2 di-bawah harus-lah di-perhati dan di-ambil berat oleh sa-saorang pengirim:

- (a) Bahasa diri hendak-lah menasabah bagi kedua2 belah pehak.
- (b) Tulis nama orang itu dan jawatan-nya dengan betul.

- (c) Tulis 'alamat dan tarikh dengan betul.
- (d) Tulis di atas kertas yang bersih dan jangan dikoyakkan sa-barang penjuru atau tepinya.
- (e) Pakai dawat dan tulis dengan tulisan yang terang dan bersih.
- (f) Atoran-nya hendak-lah di-jaga dengan baik termasuk chara lipatan tepi dan perenggan2.
- (g) Jaga bahasa surat, dan isi-nya tidak berbelit2—terus kapada maksud.
- (h) Buboh tanda tangan dan nama pengirim dengan terang.

#### **Chara mengajar-nya:**

Tidak-lah ada atoran yang khusus untuk mengajar surat kiriman kepada pelajar2. Tetapi perkara yang patut dingat ia-lah di-ajar dari jenis yang senang2 dahulu mengikut pengalaman dan kebolehan pelajar2. Pakai bahasa yang senang2 dan pendek2 isi-nya. Sa-baik2-nya guru beri chontoh dahulu, pelajar2 menyalin chontoh guru. Apa yang patut di-beratkan ia-lah peraturan dan bahasa bagi surat kiriman itu jangan di-buat sa-barang2 sahaja, kerana boleh merosakkan kemurnian budi bahasa bangsa yang mempunyai surat itu.

## 8. MEMAHAM DAN MERINGKASKAN KARANGAN

### 1. Memahamkan karangan:

Memahamkan karangan ia-lah mempelajari mendapat fahaman dan pengertian sa-penoh-nya daripada apa juga yang di-bacha.

Fahaman2 mengenai bahasa, nahu dan rangkai-kata juga ada-lah di-khendaki dan termasuk di-dalam tujuan memahamkan karangan.

Latehan2 berhubung dengan memahamkan karangan ada-lah biasa-nya di-buat bagini:

- (a) di-beri so'alan2 yang berhubung dengan isi2 besar karangan yang di-beri. Biasa-nya di-beri 5—10 so'alan ringkas yang di-kehendaki menjawab-nya pun dengan ringkas pula tetapi tepat.
- (b) di-beri so'alan yang berhubung dengan pengetahuan bahasa: nahu, ma'ana2 perkataan, maksud rangkai-kata, peribahasa dan ayat. Biasa-nya di-beri 3—4 so'alan yang berhubung dengan pengetahuan bahasa ini.

### 2. Meringkaskan Karangan:

Meringkaskan karangan maksud-nya ia-lah memendekkan karangan asal yang di-beri dengan perkataan sendiri sa-boleh-nya dengan tidak menghilangkan segala isi2-nya yang besar dan penting. Banyak perkataan yang di-kehendaki ia-lah kira2 ½ daripada banyak perkataan karangan asal.

Chara membuat-nya:

- (a) Bacha karangan asal itu beberapa kali sa-hingga chukup faham.
- (b) Chatetkan pati2 isi yang penting di atas sa-keping kertas kotor.
- (c) Karangkan balek di atas kertas kotor dengan perkataan sendiri akan isi2 tadi dengan bahasa yang ringkas, padat dan terang—tidak lebih daripada

- ↳ daripada banyak perkataan dalam karangan asal, atau sa-banyak yang di-kehendaki.
- (d) Bacha balek karangan lakar tadi.
- (e) Sa-telah puas hati babaru-lah di-salin balek di atas kertas bersih sa-bagi jawapan.
- (f) Tulis banyak perkataan di-bawah karangan: Mithal-nya:

(85 perkataan).

#### Peringatan:

Apa yang mustabak dalam perkara ini ia-lah membacha dan meringkaskan dalam masa yang sengkat dengan menguasai fahaman isi2-nya dengan sempurna.

#### Chara Mengajar-nya:

- (a) Pelajaran ini biasa-nya di-bahagi dua:
- (i) Memahamkan karangan.
  - (ii) Meringkaskan karangan.
- (b) Bagi pelajar2 peringkat rendah hanya di-beratkan memahamkan sahaja dengan di-beri beberapa so'alan pendek.
- (c) So'alan pengetahuan bahasa ia-lah bagi pelajar2 peringkat menengah (L.C.E. bahasa kebangsaan).
- (d) Pelajaran meringkas biasa-nya bagi pelajar2 peringkat tinggi (L.C.E. Melayu).
- (e) Pelajar2 di-beri suatu karangan pendek (mengikut darjah atau peringkat masing2).
- (f) Buat so'alan daripada karangan itu.

#### Chontoh:

Bacha karangan di atas (karangan yang di-beri) ini dengan cermat kemudian jawab so'alan2 di-bawah ini:

1. Ringkaskan karangan di atas ini menjadi kira2 60 perkataan (3) sahaja. (30 marka).
  2. Jawab pertanyaan2 ini dengan ringkas sahaja:
    - (i)
    - (ii)
    - (iii)
    - (iv)
    - (v)
- (10 marka).

3. Beri erti perkataan2 ini:

- (a) .....
- (b) .....
- (c) .....
- (d) .....
- (e) .....

(5 marka).

4. Buat ayat daripada perkataan2 ini.

atau 5. Beri lawan.

atau 6. Beri maksud rangkai-kata ini.

(5 marka).